UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

SAU302 - Penyelewengan dan Kawalan Sosial

Tarikh: 26 Oktober 1988

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 jam)

---

Jawab SEMUA soalan di Bahagian A dalam kertas jawapan yang dilampirkan dengan menandakan ( X ) untuk jawapan-jawapan yang benar.

Jawab EMPAT (4) soalan di Bahagian B.

SOALAN 1 di Bahagian C WAJIB dijawab.

Bahagian A (15 markah)

1. Jenayah adalah satu fenomena yang berlaku di semua jenis masyarakat.

   (a) benar

   (b) salah

2. Hooton digelarkan sebagai, 'Bapa Kriminologi Moden'.

   (a) benar

   (b) salah

3. Ahli-ahli teoritis 'Klasikal' penyelewengan sosial berpendapat bahawa tingkahlaku manusia berasaskan pilihan bebas (free will) seseorang individu.

   (a) benar

   (b) salah

...2/-

4. Pendekatan Biologi (Kajihayat) penyelewengan sosial menegaskan bahawa 'devians' adalah satu fenomena yang relatif kepada kebudayaan, tempoh masa dan keadaan-keadaan tertentu.

   (a) benar

   (b) salah

5. Satu fungsi reaksi masyarakat terhadap 'devians' ialah untuk mengekalkan sempadan (boundary maintenance).

   (a) benar

   (b) salah

6. Menurut teori 'Differential Association' susunan setiap komuniti atau golongan masyarakat berbeza dari segi potensinya untuk kelakuan jenayah atau pencegahan jenayah.

   (a) benar

   (b) salah

7. Pendekatan 'Patologi' mengenai penyelewengan sosial menolakkan rasionaliti sebagai faktor sebab-musebab penyelewengan.

   (a) benar

   (b) salah

8. Menurut McCaghy pendekatan 'Phrenology' abad ke 19 tidak memberi sumbangan terhadap kefahaman ketingkahlakuan penyelewengan sosial.

   (a) benar

   (b) salah

9. Pendekatan deteriminisme Psikogenik (Psychogenic determinism) menegaskan bahawa sebab-musebab penyelewengan sosial terletak dalam struktur genetik individu.

   (a) benar

   (b) salah

10. Menurut Marx, 'devians' adalah satu ciri asas sistem kapitalisme yang mencerminkan perjuangan di antara pihak yang berkuasa dan yang ditindas dalam masyarakat.

    (a) benar

    (b) salah

11. Teori penyelewengan sosial Bonger menegaskan kepetingan konflik minat (conflict of interest) dalam pembentukkan undang-undang dan penguatkuasaannya dalam masayarakat.

    (a) benar

    (b) salah

12. Menurut _________ jenayah adalah satu hukuman (judgement) dan definasi 'legal' yang dibentukkan oleh klas dominan dalam masyarakat kapitalisme.

    (a) Bonger

    (b) Quniney

    (c) Marx

    (d) Cohen

    (c) Durkheim

13. Menurut filem "I am dependent, you're addicted", Kategori-kategori atau kumpulan-kumpulan utama dadah termasuk:

    (a) Stimulans

    (b) Depressan

    (c) Halusinogen

    (d) Semua di atas

    (e) (a) dan (b) sahaja di atas

14. Filem "Asia from Here to Where", membentangkan cara-cara kaunseling yang boleh digunakan untuk mengurangkan kes-kes penganiayaan ke atas kanak-kanak.

    (a) benar

    (b) salah

15. Menurut filem "A Plaque on You", media massa mengenai AIDS telah kemukakan satu keadaan 'homophobia' terhadap masyarakat 'heterosexual'.

    (a) benar

    (b) salah

Bahagian B (60 markah)

Secara RINGKAS bincangkan EMPAT (4) di bawah:

1. Anomie dan penyelewengan sosial.

2. Peluang-peluang berbeda (differential opportunity) dan penyelewengan.

3. Motif-motif lisan (verbalized motives) dan penyelewengan.

4. Norma-norma, peranan dan peyelewengan.

5. Gelaran, stigma dan penyelewengan.

6. Konflik dan penyelewengan sosial.

Bahagian C (25 markah)

(Soalan ini adalah WAJIB)

Pilih SATU jenis penyelewengan sosial yang anda minati.

Secara ringkas bincangkan sejauhmana fenomena tersebut adalah satu masalah sosial di Malaysia. Kenapakah fenomena itu wujud? Apakah isu-isu utama semasa yang berbangkit mengenai kawalan sosial, pencegahan dan pemulihan fenomena penyelewengan tersebut.

(SAU 302)
Angka Giliran:____________

KERTAS JAWAPAN SAU302

Kertas Jawapan ini mesti diikat bersama buku/kertas jawapan untuk Bahagian-Bahagian lain pemeriksaan ini.

Bahagian A

| | a | b | c | d | e |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) |
| 2. | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) |
| 3. | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) |
| 4. | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) |
| 5. | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) |
| 6. | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) |
| 7. | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) |
| 8. | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) |
| 9. | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) |
| 10. | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) |
| 11. | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) |
| 12. | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) |
| 13. | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) |
| 14. | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) |
| 15. | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) | ( ) |